

Bahagian A: (10 markah)

Berikan perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.

1. Ahmad memakai sepatu berwarna hijau.

selipar
stokin
kasut
singlet

2. Pemandangan di kampung itu sangat indah.

cantik
bersih
segar
mewah

3. Aminah berasa sangat gembira kerana dapat melihat rumah barunya.

harum
riang
sukar
keruh

4. "Budak itu bukan musuh saya," kata Osman kepada Lutfi.

jahat
kembar
penjenayah
seteru

5. Zhilan menerima surat daripada ibunya di kampung.

bandar
pejabat
desa
utara

Bahagian B: (10 markah)

Pilih perkataan yang berlawan/berpasang maknanya dengan

perkataan yang bergaris bawah.

1. Adik suka minum susu.

beradu
teguk
dahaga
makan

2. Rozana amat meminati seniwati tersebut.

penyanyi
posman
biduan
seniman

3. Fariq sangat tinggi orangnya.

ramping
rendah
panjang
lampai

4. Ibu buang bunga mawar itu kerana sudah layu.

busuk
mekar
masak
kuntum

5. Ibu sangat sayang kepada saya.

benci
hormat
cerewet
marah

Bahagian C: (10 markah)

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.

1. Lilin memelihara lapan _____ kucing.

tangkai
biji
ekor
sisir

2. Bapa membeli se_____ anggur.

tandan
buah
gugus
ruas

3. Abang memotong buah limau itu dengan se_____ pisau.

batang
bilah
keping
bentuk

4. Nenek memakai se_____ cermin mata hitam.

pasang
bidang
helai
rawan

5. Abang mengirimkan se_____ surat buat kawannya.

utas
gulung
naskah
pucuk

Bahagian D: (10 markah)

Pilih kata penghubung yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.

1. Salmah tidak pergi ke sekolah _____ dia demam.

kerana
dan
sambil
walaupun

2. Yazid belajar _____ mendengar radio.

sebab
atau
hingga
sambil

3. Murid-murid dilarang membuat bising _____ guru tiada di dalam kelas.

walaupun
sedang
supaya
jika

4. _____ kematian ibunya, Nabilah tinggal bersama neneknya.

Namun
Semenjak
Sedang
Kecuali

5. Dia belajar bersungguh-sungguh _____ lulus di dalam peperiksaan.

supaya
sebab
apabila
namun

Bahagian E: (10 markah)

Pilih perkataan berimbunan yang sesuai bagi setiap butiran ini.

1. Peti sejuk yang rosak itu telahpun _____ oleh mekanik.

baikkan
terbaik
dibaiki
membaiki

2. Balai polis itu terletak _____ dengan sekolah.

berhampiran
dihampiri
menghampiri
hampirkan

3. Dia seorang _____ yang baik.

pekerjaan
mengerjakan
pekerja
kerjakan

4. "Tolong _____ suara radio itu," kata ibu kepada saya.

terpelan
dipelankan
pelankan
mempelankan

5. Bangunan tersebut adalah yang _____ di Singapura.

tertinggi
meninggi
tinggikan
tinggian

Bahagian F: (10 markah)

Pilih kata ganda yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.

Kemudian, tuliskan abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

| | |
|-------------------|----------------------|
| a. gunung-ganang | e. kayu-kayan |
| b. berjenis-jenis | f. bangunan-bangunan |
| c. bantu-membantu | g. kering-kontang |
| d. kunang-kunang | h. layang-layang |

1. Pemuda itu gemar mendaki .

2. Burung itu terbang tinggi.
3. Kita harus saling sesama manusia.
4. Di gerai itu ada dijual juadah.
5. Di Singapura terdapat yang tinggi.

Bahagian G : (10 markah)

Isikan tempat kosong ini dengan sepatah perkataan yang sesuai bagi melengkapkan petikan karangan di bawah ini.

Harun adiknya hendak pergi memancing. Sebelum itu, mereka mencari cacing untuk dijadikan . Mereka memancing ikan di sebatang sungai dekat dengan rumah mereka. Harun cucukkan seekor pada mata kailnya. Kemudian, dia menghayunkan jorannya ke arah sungai. Tidak lama kemudian, Harun terasa jorannya ditarik. Harun segera menarik jorannya semula. Didapatinya pada hujung mata kailnya tersangkut seekor . Harun dan berasa sangat gembira kerana telah berjaya menangkap seekor ikan keli.

Bahagian H : (10 markah)

Susun semula perkataan-perkataan/frasa-frasa ini supaya menjadi ayat-ayat yang sempurna.

1. membuat / kayu ini / daripada / saya ingin / sesuatu

2. terhuyung-hayang / orang / berjalan / itu / mabuk

3. meminati / dia / Ziana Zain / amat

4. 6:00 petang / majlis / pukul / itu / pada / tamat

5. mati / van / anak kucing / dilanggar / itu

Bahagian I : (10 markah)

Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan di bawah ini.

Melawat Ke Kilang Mi Segera

Pada cuti sekolah penggal pertama yang lalu, kami telah mengadakan suatu lawatan ke kilang mi segera. Kilang itu terletak di Jurong. Kami bertolak ke sana dengan menaiki sebuah bas. Kami tiba di kilang itu tepat pada pukul 11:00 pagi.

Setibanya kami di situ, Pengurus kilang itu telah memberi sedikit penerangan tentang cara-cara mi segera dihasilkan. Kami telah dibawanya melawat ke beberapa bahagian pengeluaran. Di situ, kami dapat menyaksikan dengan sendiri proses-proses pengeluaran mi segera. Berbagai-bagai jenis perasa telah dihasilkan. Di antaranya ialah perasa kari, ayam, udang, tom yam dan sebagainya.

Kami berasa sungguh gembira berada di situ. Berbagai-bagai pengalaman dapat kami pelajari. Selain itu kami telah diberi layanan yang sungguh memuaskan.

Akhir sekali, pihak kilang tersebut telah bermurah hati memberi kami sedikit buah tangan berupa beberapa paket mi segera setiap seorang. Kami bertolak pulang tepat pada pukul 3:00 petang.

1. Ke manakah lawatan itu diadakan?

Ke kilang membuat mi cap Ayam.
Ke kilang membuat mi goreng.

Ke kilang membuat mi segera.

Ke kilang membuat mi kuning.

2. Mereka ke sana dengan menaiki apa?

teksi

keretapi

lori

bas

3. Di manakah letaknya kilang tersebut?

Bandar

Sekolah

Barat

Jurong

4. Apakah penerangan yang telah diberikan oleh Pengurus kilang itu?

Cara-cara perasa kari dibuat.

Cara-cara mi segera dibuat.

Cara-cara mi kuning dihasilkan.

Car-cara mi segera digoreng.

5. Apakah buah tangan yang diberikan kepada setiap murid- murid tersebut?

beberapa paket mi kuning

beberapa paket garam

beberapa paket perasa mi segera

beberapa paket mi segera

Bahagian J : (10 markah)

Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

Suatu Kemalangan Yang Dahsyat

Pada suatu hari, sewaktu Azman dan Zubir pulang dari sekolah, mereka ternampak satu kemalangan jalan raya. Apabila pulang, mereka bercerita tentang kejadian itu kepada seorang kawan

bernama Chandra.

| | | |
|---------|---|---|
| Azman | : | Chandra, sewaktu saya dan Zubir berjalan pulang tadi, kami ternampak satu kemalangan jalan raya yang sungguh dahsyat. |
| Chandra | : | Di mana, Azman? |
| Azman | : | Di Bukit Merah, berhampiran dengan pusat pertukaran bas. |
| Chandra | : | Apa yang terlibat dalam kemalangan itu? |
| Azman | : | Sebuah lori membawa tanah terbalik dan pemandunya cedera parah. Pemandu yang cedera itu tersepit di bawah lori. |
| Zubir | : | Sebuah van anggota pertahanan awam datang untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit itu. |
| Chandra | : | Apa yang dilakukan oleh anggota-anggota pertahanan awam itu, Zubir? |
| Zubir | : | Mereka terpaksa mengerat beberapa bahagian rangka lori itu untuk mengeluarkan mangsanya. |
| Chandra | : | Wah, sungguh dahsyat kemalangan itu! Mungkinkah pemandu yang cedera parah itu dapat diselamatkan? |
| Azman | : | Kami kurang pasti, Chandra. Kami berdua hanya melihat sahaja dari jauh. Apa yang kami lihat, darah berlumuran di atas jalan raya. |

1. Apakah yang diceritakan oleh Azman dan Zubir kepada Chandra?

2. Bilakah mereka melihat kemalangan itu?

3. Di manakah kemalangan itu berlaku?

4. Siapakah yang datang menolong?

5. Apakah yang terjadi kepada lori tanah itu?